


Kuasai Istilah Undang-undang Antarabangsa



Judul : **Kamus Undang-undang Antarabangsa**
 Penerbit : Dewan Bahasa dan Pustaka (2018)
 Harga : RM22.00 (hlm.)

Undang-undang antarabangsa ialah undang-undang yang mengawal hubungan sesebuah negara, pertubuhan antarabangsa, pertubuhan multinasional atau individu dengan sesebuah negara yang lain. Undang-undang antarabangsa penting untuk mengawal tindakan dan peranan yang dilakukan oleh aktor dalam hubungan antarabangsa yang merentas sempadan negara supaya tidak bercanggah dengan amalan di sesebuah negara.

Kamus *Kamus Undang-undang Antarabangsa* mengandungi 322 entri (istilah berserta huraian), dan disampaikan dalam bahasa yang mudah untuk difahami oleh pengguna. Buku ini sesuai digunakan khususnya untuk pelajar di institusi pengajian tinggi, pensyarah, pengamal, penulis dan pengguna umum yang ingin mendapatkan penjelasan tentang konsep yang terkandung dalam sesuatu istilah undang-undang antarabangsa. "Masyarakat perlu mengetahui undang-undang antarabangsa bagi memahami pergolakan dunia yang berlaku hari ini", demikian menurut Prof. Madya Dr. Salawati binti Mat Basir, salah seorang pakar bidang dan penyusun kamus ini dalam satu temu bual ketika mengulas isu Baitulmaqdis di sebuah stesen televisyen tempatan baru-baru ini.

Entri kamus ini disusun mengikut abjad dalam bahasa Melayu dan padanannya diberikan dalam bahasa Inggeris, bahasa Melayu Brunei Darussalam dan bahasa Indonesia. Peletakan padanan bahasa Melayu Brunei Darussalam dan bahasa Indonesia adalah sebagai tanda pemuafakatan antara ketiga-tiga negara anggota Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) untuk menyelaraskan istilah dalam sesuatu bidang ilmu. Format sedemikian diperturunkan seperti yang berikut:

- agensi serantau** (*Ig. regional agency; Br. agensi serantau; Id. perwakilan regional*)
- amalan negara** (*Ig. state practise; Br. amalan negara; Id. kebiasaan negara*)
- asas undang-undang** (*Ig. legal basis; Br. asas undang-undang; Id. asas hukum*)

Bagi memudahkan penggunaan kamus, pada bahagian awal buku ini dimasukkan Pedoman Penggunaan Kamus Undang-undang Antarabangsa. Pedoman ini dapat memandu pengguna cara menggunakan kamus dengan betul berdasarkan keterangan butiran yang dimasukkan seperti entri, takrif, rujuk silang, jenis huruf dan tanda baca, dan singkatan yang digunakan. Keterangan rujuk silang seperti label *Lihat* menerangkan sesuatu istilah yang mempunyai takrif yang sama dan istilah *sinonimnya* dirujuksilangkan kepada entri yang bertakrif dengan menggunakan label *Lihat*. Contohnya diperturunkan seperti yang berikut:

negara berkecuali (*Ig. neutral state*)

Negara yang bersetuju untuk tidak menyertai peperangan antara dua atau lebih negara lain. Negara berkecuali mempunyai kewajiban untuk menahan diri daripada memberi bantuan ketenteraan kepada pihak yang berperang, menghalang wilayahnya daripada

“ Daftar istilah ini memudahkan pembaca untuk merujuk istilah dalam bahasa sumbernya, iaitu bahasa Inggeris yang disusun mengikut urutan abjad. ”

digunakan bagi tujuan peperangan, atau menjadi tidak berpihak kepada mana-mana negara. Pengecualian boleh ditafsirkan sebagai mempertingkatkan kepentingan salah satu pihak yang berkonflik atau membahayakan kepentingan pihak yang lagi satu. Status berkecuali ini diiktiraf oleh pihak-pihak yang berperang. *Sinonim kuasa berkecuali.*

kuasa berkecuali (*Ig. neutral power; Br. kuasa berkecuali; Id. kuasa netral*)
Lihat negara berkecuali.

Selain itu, untuk memudahkan pengguna, daftar istilah undang-undang antarabangsa dalam bahasa Inggeris-bahasa Melayu juga dimuatkan pada halaman akhir buku ini. Daftar istilah ini memudahkan pembaca untuk merujuk istilah dalam bahasa sumbernya, iaitu bahasa Inggeris yang disusun mengikut urutan abjad. Padanan bahasa Inggeris ini disediakan bagi memudahkan pengguna mengetahui maksud sesuatu perkataan dengan lebih cepat, tepat dan betul, di samping dapat merujuk huraian lebih lanjut secara terperinci pada halaman kamus sebelumnya. Contohnya adalah seperti yang berikut:

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
abet	bersubahat
absence	ketidakhadiran
absolute justice	keadilan mutlak

Sehubungan dengan itu, penerbitan *Kamus Undang-undang Antarabangsa* ini diharapkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna untuk memahami bidang undang-undang antarabangsa. Hal ini selaras dengan usaha DBP untuk memantapkan dan mengembangkan pelbagai istilah dalam bahasa Melayu, termasuk dalam bidang ilmu tinggi seperti undang-undang antarabangsa. **PB**